

HARI : SABTU
TARIKH : 5/10/2019
M/SURAT : 8

Harga RON97 turun 19 sen, RON95 dan diesel kekal

KUALA LUMPUR - Harga runcit petrol RON97 turun sebanyak 19 sen kepada RM2.60 seliter, manakala RON95 dan diesel masing-masing kekal pada RM2.08 dan RM2.18 seliter, berkuat kuasa tengah malam tadi sehingga 11 Oktober.

Kementerian Kewangan menerusi kenyataan semalam memaklumkan, berdasarkan pengiraan mengikut formula Automatic Pricing Mechanism

(APM), harga runcit petrol RON95 dan diesel bagi tempoh tersebut masing-masing sepatutnya RM2.30 seliter dan RM2.34 seliter.

Kenyataan itu turut menyebut, dengan pengekalan harga runcit bagi kedua-dua produk ini, anggaran subsidi yang perlu ditanggung kerajaan dalam tempoh 5 Oktober 2019 sehingga 11 Oktober 2019 adalah berjumlah RM101.52 juta.